

27 JUL 2003

PERISYTIHARAN-PERKONGSIAN/I

M'SIA/THAILAND METERAI PERISYTIHARAN BERSAMA PERKONGSIAN PERNIAGAAN

Oleh: Wan Nurzila Wan Abdul Rahman

LANGKAWI, 27 Julai (Bernama) -- Malaysia dan Thailand hari ini memeterai perisytiharan bersama untuk meningkatkan kerjasama dua hala menerusi inisiatif sektor awam dan swasta dengan lebih meluas lagi pada perasmian Dialog Perkongsian Perniagaan Teknologi Malaysia-Thailand.

Deklarasi bersama itu dimeterai antara Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dan Kementerian Sains dan Teknologi, Thailand.

Perjanjian itu disaksikan oleh Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan rakan sejawatannya Thaksin Shinawatra.

Malaysia diwakili oleh Datuk Seri Law Hieng Ding sementara Thailand diwakili oleh Menteri Sains dan Teknologinya, Phinji Jarusombat.

Deklarasi itu, antara lain, dijangka dapat membuka jalan kepada pefahaman dan inisiatif yang lebih baik bagi memperbaiki daya saing yang digerakkan oleh teknologi di kedua-dua buah negara dengan menggabung dan menggunakan secara kolektif maklumat bersama, kepakaran, teknologi dan sumber antara kedua-dua buah negara.

Antara bidang yang akan dipromosikan ialah automotif, elektrik dan elektronik, agro-bioteknologi, teknologi maklumat serta eko-pelancongan.

Terdahulu, kedua-dua Perdana Menteri Dr Mahathir dan Thaksin menyampaikan ucapan masing-masing pada sesi plenari pembukaan yang telah berjaya menarik lebih daripada 300 peserta yang terlibat di dalam pelbagai industri utama dari kedua-dua negara.

Dialog ini diadakan mulai 27-28 Julai bersempena dengan perundingan tahunan antara menteri-menteri kabinet utama kedua-dua buah negara. --  
BERNAMA

WNZ MR AA